KOPI PAHIT

Dalam temuramahnya dengan wartawan-wartawan Perdana Menteri Singapura menyatakan bagaimana kesulitan-kesulitan yang dihadapinya serta kawan-kawannya sesudah Singapura berasing dari Malaysia yaitu kerana orang-orang di Malaysia dan Singapura sudah berpisah padahal mereka masih ada keluarga dan sanak saudara. Umpamanya sahaja, katanya, Menteri Luar Singapura sekarang telah menjadi orang asing di Malaysia pada hal saudara maranya masih ada di Seremban. Memang ini kesulitan yang lebih sulit daripada segala kesulitan yang dirasa oleh semua pihak. Hendaknya ini dijadikan pengajaran supaya lain kali jangan mengikut kata hati – berbuat kebaikan untuk keselamatan memang payah dicari tetapi bermusuh senang dibuat dengan membanyakkan gembar-gembur.

* * *

Selalunya umat Islam di India terkena susah dibuat oleh orang-orang India yang bukan Islam terutamanya di tempat-tempat yang mereka tinggal sedikit sahaja – jadi golongan kecil. Penyembelihan selalu berlaku ke atas mereka dan mungkin pula di Kashmir sekarang orang Kashmir akan menerima nasihat begitu pula di tangan tentera India. Orang-orang Islam disini, khususnya di Tanah Melayu siap! Mengapa? Tentunya persaudaraan Islam tidak meresap di dalam sanubari mereka. Begitulah persaudaraan Islam yang ada.

* * *

Tuntutan-tuntutan tentang bahasa Cina di Tanah Melayu telah mula berbayang pula. Rupanya "Orang-orang yang menumpukan taat setianya di negeri ini " tidak puas hati dengan pengorbanan yang diberikan oleh bangsa Melayu untuk mereka! Apakah yang hendak diberikan lagi? kata En. Senu Abdul Rahman Menteri Penerangan Malaysia sedikit masa dahulu! Orang-orang memang tak puas En. Senu, kerana mereka mahu biar habis sekali sehelai sepinggang!

* * *

Orang-orang Kashmir sesudah mengisytiharkan jihad mereka daripada ditindas oleh tentera India selama 18 tahun – dijajah! 90 peratus penduduk Islam di sana menderita dan sentiasa ditekan. Apakah saudara-saudara Islam di Malaysia tidak mahu sembahyang hajat beramai-ramai semoga mereka berjaya di dalam jihadnya memerdekakan watannya daripada di bawah penjajahan!!

* * *

Masjid Negara telah dibuka dengan sambutan yang meriah. Indah sungguh kononya rupa masjid itu pada istilah bangunan *modern* tetapi orang tertanya-tanya pula apakah pengaruh …….. ada padanya? *Wa Allāhu a'lam*!

* * *

Apakah nasib umat Islam? Ada orang bertanya. Jawapannya nafsu-nafsi – orang Islam di Cyprus ditekan – Islam di Malaya tidak tahu dan tidak mendengar ceritanya. Mereka dibunuhh dan diperkosa! Dunia Islam di sini diam! Ini tandanya ajaran Islam tidak meresap. Kerana itu pemimpin-pemimpin agama mestilah bekerja kuat menghidupkan roh Islam – tidak cabar-bercabar dan cela-bercela dan tindas-menindas serta tekan-menekan dan cari nama seperti . . . . . siapa? Entahlah tentu ada orangnya yang mengaku menjadi besar tetapi pembuat fitnah dan makan umpah! Ini ada kalau tak percaya tanya

Cemeti al-Farouk